

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : CSR MBI

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sumber pendapatan baharu negeri adalah daripada keuntungan operasi GLC-GLC yang di urus oleh MBI. Di segi peraturan adalah pendapatan ini mesti dimasukkan terlebih dahulu ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi Negeri atau boleh digunakan terus oleh MBI atas nama CSR?

JAWAPAN:

- a) YB Semenyih telah bertanya daripada segi peraturan kewangan berkaitan sumber pendapatan baharu daripada keuntungan operasi GLC-GLC di bawah MBI sama ada perlu dimasukkan terus ke Kumpulan Wang Disatukan Negeri atau boleh dibelanjakan terus oleh MBI atas nama CSR. Sehubungan itu, saya akan menjawab soalan ini daripada segi peraturan kewangan yang digunapakai.

Kumpulan Wang Disatukan Negeri terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan berdasarkan Akta Acara Kewangan (Akta 61) yang digunapakai. Berdasarkan Akta ini, di bawah Akaun Amanah Disatukan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan sebuah akaun amanah awam di bawah Seksyen 9 yang dikenali sebagai *Akaun Amanah Sumbangan Anak Syarikat/Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri*. Akaun amanah ini diwujudkan dengan objektif untuk melaksanakan program/projek dan aktiviti Kerajaan Negeri. Ia ditadbir urus oleh Perbendaharaan Selangor melalui Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah. Akaun amanah ini mengakaunkan segala terimaan sumbangan anak-anak syarikat dan menentukan bagaimana ianya perlu dibelanjakan selaras dengan peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Pada tahun 2019, Tabung ini telah mengumpul sebanyak RM47,510,000.00 dan pada tahun 2020 setakat ini telah mengutip sebanyak RM2,750,000.00. Perbelanjaan yang telah dibuat melalui Tabung ini antaranya Program Tahfiz Al-Qiraat di KUIS, Skim Rawatan Penyakit Kardiovaskular Bersama IJN, Program Hari Raya Aidilfitri, Program Rumah Terbuka Tahun Baru Cina, Sumbangan Bola Sepak dan Kejohanan Berbasikal Tour De Selangor. Maklumat terperinci mengenai sumbangan melalui Tabung ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

Dalam melaksanakan sesuatu CSR oleh anak-anak syarikat, dana yang digunakan, boleh sama ada dimasukkan ke akaun amanah ini ataupun tidak. Akaun amanah yang dimaksudkan ialah Akaun Amanah Sumbangan Anak Syarikat/Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri. Sekiranya dana dimasukkan ke akaun amanah ini, maka ianya perlu diakaunkan dan dibelanjakan berdasarkan kepada tujuan akaun amanah ini diwujudkan serta perlu selaras dengan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Sekiranya dana tidak dimasukkan ke akaun amanah ini, anak-anak syarikat boleh melaksanakan CSR yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah di syarikat masing-masing. Dalam hal ini, pihak anak-anak syarikat terutamanya MBI turut melaksanakan program CSR dengan membuat perbelanjaan langsung dengan jumlah sebanyak RM74.4 juta. Antara program dan projek yang telah dilaksanakan dalam aktiviti CSR adalah Wifi Smart Selangor, Bantuan Kewangan Subsidiari, IDE, Tuisyen Rakyat, Program-program Pendidikan, Sumbangan Pembaikan Infra Sukan, Program Keagamaan, Sumbangan Kebajikan untuk Masjid dan Surau, Sumbangan Insentif Korban, Insentif Mahabbah Haji serta Sumbangan Tuisyen Rakyat. Butiran sumbangan-sumbangan ini adalah seperti di **Lampiran 2**.

LAMPIRAN 1**MAKLUMAT SUMBANGAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2019 DAN 2020**

TAHUN 2019			
Sumbangan		Perbelanjaan	
MBI	20,000,000.00	Program Tahfiz Al-Qiraat di KUIS	500,000.00
PKNS	6,600,000.00	Skim Rawatan Penyakit Kardiovaskular Bersama IJN	5,000,000.00
KSSB	6,000,000.00	Program Rumah Terbuka Tahun Baru Cina	-
PNSB	6,500,000.00	Program Hari Raya Aidilfitri	1,278,046.24
KPSB	1,760,000.00	Sumbangan The Sultan Selangor Cup 2019	130,000.00
PKPS	3,000,000.00	Sumbangan Bola Sepak (FAS)	7,000,000.00
WWHB	3,000,000.00	Sumbangan Bola Sepak (Selangor United)	1,525,680.04
KDEBW	150,000.00	Program Lembu Korban	6,442,892.90
CCSB	500,000.00	Wifi Selangorku / CSR / Bencana Alam	18,500,000.00
		Konsert Diraja	796,600.00
		Kejohanan Berbasikal Tour De Selangor	250,000.00
		Sumbangan Rumah Puteri Arafiah	-
		Program Tuisyen Rakyat Selangor	1,260,000.00
Sumbangan 2019	47,510,000.00	Pembayaran 2019	42,683,219.18
Baki Akaun 2019			4,826,780.82
TAHUN 2020			
Sumbangan		Perbelanjaan	
Baki Awal Tahun			4,826,780.82
PKPS	1,250,000.00	Program Tahfiz Al-Qiraat di KUIS	2,054,079.85
PNSB	1,500,000.00	Program Rumah Terbuka Tahun Baru Cina	620,850.00
		Sumbangan Bola Sepak (FAS)	2,000,000.00
Sumbangan 2020	2,750,000.00	Perbelanjaan 2020	4,674,929.85
Baki Akaun Semasa			2,901,850.97

LAMPIRAN 2**Sumbangan MBI Kepada Kerajaan Negeri Melalui Program Dan Aktiviti CSR Secara Langsung**

BIL	BUTIRAN	SUMBANGAN (RM)
1	<u>Infrastuktur</u> Wifi Smart Selangor Penstrukturan Semula MBI Sumbangan Pembaikan Infra Sukan	17,320,000.00
2	<u>Kebajikan dan Keagamaan</u> Pertubuhan Berdaftar Bantuan Kewangan Subsidiari Pertubuhan Berdaftar Masjid, Surau Bantuan Kewangan Subsidiari Bantuan Banjir Sumbangan Pinggiran Batu Caves	27,203,547.00
3	<u>Sumbangan Program Kerajaan Negeri</u> IDE Naiktaraf Aset Kerajaan Negeri PEKAWANIS Sumbangan Insentif Korban Jelajah MB Maju Bersama Insentif Mahabbah Haji Bencana Alam Tuisyen Rakyat	23,999,141.00
4	<u>Pembangunan Sosial</u> Persatuan Pelancong Sekinchan PEMADAM Lain - lain	259,680.00

BIL	BUTIRAN	SUMBANGAN (RM)
5	<p><u>Pembangunan Sukan</u> Sumbangan Piala Sultan Selangor Sumbangan Piala YAB Amiruddin Program Kebajikan dan Sukan Jabatan/KN Program Kebajikan dan Sukan Jabatan/KN Selangor Champion League Lawatan Kerajaan Negeri ke Mesir Yayasan Selangor, UNISEL, Pesta Buku</p>	1,885,958.00
6	<p><u>Pendidikan</u> Early Intervention Programme (EIP) KUIS INPENS Yayasan Selangor, UNISEL, Pesta Buku Program Jom Balik Sekolah Hari Guru Selangor</p>	4,005,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : PROGRAM INTEGRASI DAN PERPADUAN KAUM

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah agenda Kerajaan Negeri di dalam menjamin kestabilan, kesejahteraan dan kesentosaan negeri?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : KEBAJIKAN PENUNTUT ANAK SELANGOR DI LUAR NEGARA DALAM
ERA COVID-19**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri terbabit menangani permasalahan pelajar IPT anak Selangor samada di dalam atau luar negara yang terjejas disebabkan penularan wabak Covid-19?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil jika benar Kerajaan Negeri ada terbabit?
- c) Berapakah kos yang dibelanjakan bagi urusan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan telah mengambil langkah proaktif dalam menangani permasalahan Pelajar IPT anak Selangor di dalam dan luar negara. Bagi di dalam negara melalui Pakej Rangsangan Selangor Prihatin COVID – 19. Manakala di luar negara ianya bergantung kepada situasi semasa negara tersebut.
- b) Langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan adalah seperti berikut :

Bantuan Sara Diri *One-Off* RM200.00 kepada mahasiswa/i Anak Selangor yang masih aktif menuntut di Institusi Pengajian Tinggi di Sabah dan Sarawak.

Program Makanan Percuma pula diberikan kepada mahasiswa/i institusi pengajian tinggi di bawah kerajaan negeri yang terpaksa kekal di kampus masing-masing di Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa INPENS.

Manakala bagi pelajar di Mesir, kerajaan negeri melalui Pejabat Atase Pendidikan telah menyediakan keperluan makan asas dan peralatan kesihatan seperti pembasmi kuman dan pelitup muka.

- c) Kos perbelanjaan yang telah diperuntukan bagi Bantuan Sara Diri One-Off RM200.00 kepada mahasiswa/i Anak Selangor di Sabah Sarawak ialah sebanyak RM161,400.00 (807 orang mahasiswa/i).

Selain itu, Program Makanan Percuma Mahasiswa di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) sebanyak RM111,120.00 telah dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Menteri Besar (MBI) kepada mahasiswa/i yang terpaksa kekal di kampus masing-masing.

Manakala bagi Program memudahcara Urus Diri Mahasiswa di Timur Tengah sebanyak RM49,980.00 daripada peruntukan Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor, RM20,000.00 daripada Tabung Amanah Pembangunan Islam, RM180,000.00 daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KELANGSUNGAN EKONOMI ANAK MUDA

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha ataupun rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu anak-anak muda Selangor bagi menangani isu kelangsungan (survival) ekonomi anak muda ?

JAWAPAN:

Pandemik COVID-19 telah disahkan merebak di Malaysia pada 25 Januari 2020. Dengan kadar jangkitan virus ini yang meningkat dengan pantas, kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020. PKP ini selanjutnya melalui fasa-fasa yang antaranya PKPD, PKPB dan terkini ianya dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020 melalui PKPP. Golongan belia adalah merupakan antara golongan yang terjejas dari sudut ekonomi berikutan pelaksanaan PKP ini. Ramai daripada mereka kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah merancang bagi melaksanakan beberapa inisiatif dalam membantu meredakan keresahan rakyat khususnya dalam aspek kelangsungan hidup pasca Covid-19 yang tidak hanya menyasarkan Golongan Belia secara khusus tetapi juga seluruh rakyat negeri Selangor. Di antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut: -

a) Selangor Advance

- Selangor Advance adalah inisiatif pembiayaan tunai bagi membantu golongan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk memperbaiki aliran tunai dan pusingan modal bagi mengekalkan kelangsungan operasi mereka terutamanya ketika masa pemulihan ini. Golongan belia boleh mengambil peluang dari inisiatif ini untuk memperkembangkan dan memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

b) Selangor Kerjaya

- Pengurusan Bakat dan Tenaga Kerja bagi rakyat di Negeri Selangor untuk menangani isu penawaran pekerjaan pasca wabak COVID-19

dan pembangunan kemahiran serta laluan kerjaya tenaga kerja terutamanya kepada golongan belia yang masih mencari peluang pekerjaan selepas menamatkan pengajian bagi memenuhi penawaran pekerjaan abad ke-21.

c) Selangor E-Kitchen

- Selangor e-Kitchen adalah inisiatif digitalisasi perniagaan agar ekonomi negeri dapat memberi penciptaan nilai baru kepada masyarakat. Inisiatif ini membantu penjaja / peniaga kecil (PKS Mikro) untuk terus beroperasi secara dalam talian bagi memperluaskan akses pasaran. Sebagaimana umum sedia maklum, golongan belia adalah golongan yang sangat meminati perniagaan secara *online* ini kerana sifat mereka yang tidak gemar untuk terikat dengan majikan. Oleh itu, inisiatif ini dapat membantu golongan belia untuk meningkatkan ekonomi mereka.

d) Selangor Procure

- Selangor Procure adalah inisiatif membuka peluang kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Selangor untuk membekalkan produk dan servis kepada Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) di Selangor, melalui pelantar perolehan digital (e-procurement platform). Bagi belia yang baru menceburi bidang perniagaan, masalah kecairan modal merupakan antara masalah utama yang dihadapi mereka. Justeru dengan inisiatif ini, golongan belia tidak perlu lagi risau tentang kecairan modal mereka.

Selain inisiatif-inisiatif yang dinyatakan ini, golongan belia juga boleh mengambil peluang dari lain-lain inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri seperti inisiatif rakan digital dan data internet Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN PEMBACA METER AIR SELANGOR DAN DISKAUN BIL
AIR**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon penjelasan pihak Air Selangor kenapa tidak membuat bacaan meter air semasa PKP?
- b) Adakah pihak Air Selangor mahu menyelaraskan semula bil air dan memberi diskaun bil air bagi meringankan beban rakyat semasa PKP.

JAWAPAN:

- a) Pengurusan Air Selangor mengambil pendekatan untuk tidak membuat bacaan meter semasa PKP sebagai langkah mencegah dan menjaga keselamatan kakitangannya daripada terdedah kepada jangkitan virus COVID 19. Hanya kakitangan yang benar-benar terlibat dengan pengagihan air sahaja dibenarkan bertugas di lapangan bagi memastikan perkhidmatan bekalan air kepada pelanggan tidak terjejas.
- b) Air Selangor telah membuat pelarasan bil air bagi penggunaan semasa PKP bermula pada bulan Jun 2020 di mana pelarasan tersebut boleh dilihat oleh setiap pengguna di dalam bil air bulan Jun atau Julai 2020. Air Selangor membuat pelarasan berdasarkan kepada kaedah yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada 31 Mei 2020 seperti berikut:

‘(i) apabila pembacaan meter sebenar dibuat pada bulan Mei 2020, ia hendaklah merangkumi tempoh bagi bulan Mac dan April 2020 di mana bacaan anggaran dibuat;’

Jumlah penggunaan air yang dicatat di perenggan (i) di atas diproratakan bagi tempoh yang dirangkumi iaitu bulan Mac, April dan Mei 2020 bagi mendapatkan jumlah penggunaan air purata bagi sebulan untuk di darab dengan kadar tarif mengikut jalur tarif dan seterusnya di darab balik dengan bilangan bulan yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : NYAHWARTA HUTAN SIMPAN NEGERI SELANGOR

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan berapa jumlah hutan simpan kekal yang telah dinyahwarta pada tahun 2020.
- b) Di mana proses pendengaran awam berkenaan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan Hutan Simpan Bukit Lagong?
- c) Apa maklum balas terkini berkenaan pewartaan FRIM sebagai Tapak Dunia UNESCO?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod, tiada kawasan hutan simpan kekal yang telah dinyahwarta pada tahun 2020.
- b) Sehingga kini, proses penyahwartaan sebahagian kawasan HSK Bukit Lagong (Kompartmen 19) seluas ±28.3ha @ ±70 ekar bagi tujuan pembangunan oleh PKNS dan Spanland Sdn. Bhd. telah berada di peringkat akhir pelaksanaannya.

Sebanyak 2 sesi Town Hall (melibatkan Sesi Pagi dan Sesi Petang) telah dijalankan iaitu pada 18 Feb 2019 (Isnin) bertempat di Dewan Seri Kayangan, Kompleks Kediaman Pegawai Daerah Gombak. Sesi Town Hall ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna dan melibatkan ahli-ahli panel yang terdiri daripada agensi-agensi seperti PTG, PKNS, MPS, PDT Gombak, JPBD, JMG, JKR, JAKOA, PERHILITAN, UPEN, JPNS dan pemaju.

Berdasarkan kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, Jawatankuasa Penyiasatan Awam akan mengadakan mesyuarat setelah *Town*

Hall tersebut diadakan bagi memuktamadkan syor-syor kepada MMKN berdasarkan kepada laporan analisa bantahan yang telah diterima.

Manakala bagi Hutan Simpan Kuala Langat Selatan, tiada proses pendengaran awam dilaksanakan kerana sehingga kini hutan simpan tersebut belum terlibat dengan sebarang penyahwartaan.

- c) Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Warisan Negara, status terkini bagi pewartaan FRIM sebagai tapak warisan dunia adalah masih di peringkat proses pencalonan. Dokumen *Tentative List* bagi tapak FRIM telah dihantar kepada pihak UNESCO pada 31 Januari 2017. *Tentative List* ini adalah merupakan senarai menunggu yang perlu dihantar kepada pihak UNESCO sekurang-kurangnya setahun sebelum penghantaran *dossier* pencalonan yang lengkap. Pada masa kini, gerak kerja bagi penyediaan *dossier* pencalonan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan sedang giat dilaksanakan oleh pakar-pakar yang telah dilantik. Dokumen pencalonan tersebut dijangka akan dihantar kepada pihak UNESCO pada tahun 2022.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENJAJARAN SEMULA WIFI SMART SELANGOR BAGI
PEMBELAJARAN DALAM TALIAN**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri melalui Wifi Smart Selangor untuk memastikan pelajar yang menggunakan "online learning" tidak ketinggalan?

JAWAPAN:

- a) Program WiFi Smart Selangor (WSS) disusun dan ditambahbaik untuk memberi tumpuan kepada kluster Pendidikan, Kesihatan dan Keagamaan dengan fokus ke kawasan luar bandar dan kumpulan sasaran B40 dan M40. Penambahbaikan ini merangkumi peningkatan infrastruktur, perkhidmatan kelajuan kepada pengguna dan program-program tambah nilai.
- b) Dengan adanya perkhidmatan WSS di kawasan tumpuan ini, pelajar akan sentiasa dapat capaian ke Internet untuk platform "*online learning*" setiap hari dan tidak ketinggalan dalam mata pelajaran. Perkhidmatan WSS disediakan dengan kelajuan minima 4Mbps bagi setiap individu bagi memastikan aplikasi pembelajaran dapat diguna pakai secara optimum dan stabil. Tambahan juga, SMARTSEL sentiasa memantau kesemua AP berada di dalam mod aktif bagi memastikan pelajar sentiasa terhubung semasa proses pembelajaran secara "*online learning*".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : BAIK PULIH APARTMENT KRISTAL

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menangani isu projek Apartment Kristal yang terbengkalai sejak sekian lama?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri mengatasi masalah yang rata-rata unit Kristal sudah ada pembeli dimana mereka hanya terpaksa membayar hutang bank begitu sahaja kerana rumah dibeli terbengkalai?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek apartment Kristal, Selayang Mutiara telah disahkan sebagai projek perumahan swasta terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 18 Februari 2013. Pemulihan projek perumahan ini akan dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN). Buat masa ini, JPN sedang melaksanakan proses perolehan pra-kelayakan (Pre-Q) bagi mempelawa kontraktor-kontraktor yang berminat bagi projek ini. Berdasarkan perancangan baharu proses perolehan bagi projek ini, Surat Setuju Terima (SST) pada pihak kontraktor yang berjaya dijangka akan dikeluarkan pada awal bulan Februari 2021 manakala tarikh milik tapak pula dijangka pada pertengahan atau akhir Februari 2021.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berkerjasama dengan KPKT dalam usaha menyelesaikan masalah projek terbengkalai ini sejak sekian lama. Antara pendekatan yang telah diambil oleh LPHS dalam menangani isu projek apartment Kristal yang terbengkalai ini adalah mengadakan perbincangan secara berkala bersama Pejabat Tanah Daerah Gombak, Majlis Perbandaran Selayang, KPKT dan pihak pelikuidasi (*Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd*) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT). Perbincangan turut diadakan dengan semua jabatan teknikal seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan. JPPT bertujuan bagi membincangkan

dan mendapatkan kerjasama semua pihak antaranya bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai dalam memulihkan projek ini. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam merangka pelan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Pada tahun 2019 Jawatankuasa Kecil Pemulihan Projek Terbengkalai Pihak Berkuasa Tempatan (JKPPT PBT) ditubuhkan untuk memastikan focus pemulihan, pengurusan isu sepanjang pengendalian mesyuarat dan pemantauan penyelesaian projek terbengkalai di kawasan 12 PBT dapat ditangani dengan lebih cekap, holistik, telus dan sistematik secara berterusan dengan kolaborasi pelbaga agensi.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, apartment Kristal Taman Selayang Mutiara merupakan projek perumahan swasta terbengkalai yang akan dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT tanpa sebarang kos tambahan daripada pembeli. Berdasarkan rekod pelikuidasi (*Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd.*) dianggarkan seramai 490 pembeli yang terlibat dalam pembangunan ini. Memandangkan projek ini merupakan projek perumahan swasta terbengkalai yang dikawalselia oleh pihak KPKT maka bagi mengatasi masalah pembeli apartment Kristal yang terpaksa membayar hutang di bank, pihak JPN juga berperanan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiaya atau bank. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor sebagai agensi pemantauan senantiasa bekerjasama rapat dengan pihak KPKT bagi memastikan projek apartment ini dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Mendudukidi perolehi melalui perbincangan secara berkala dengan semua agensi melalui mesyuarat JPPT dan JKPPT.

Buat masa ini, JPN sedang melaksanakan proses perolehan pra-kelayakan (Pre-Q) bagi mempelawa kontraktor-kontraktor yang berminat bagi projek ini. Berdasarkan perancangan baharu proses perolehan bagi projek ini, Surat Setuju Terima (SST) pada pihak kontraktor yang berjaya dijangka akan dikeluarkan pada awal bulan Februari 2021 manakala tarikh milik tapak pula dijangka pada pertengahan atau akhir Februari 2021.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : BANGUNAN TERBENGKALAI

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi bangunan dan premis kerajaan yang terbiar usang khususnya di tepi jalan utama yang sedikit sebanyak mencacatkan pemandangan?
- b) Adakah ada bajet untuk proses baikpulih untuk memperindahkan kawasan ini kerana bangunan ini terletak di kawasan yang strategik?

JAWAPAN:

- a) Bangunan dan premis kerajaan yg terbiar adalah milik jabatan/agensi yg bertanggungjawab dan jabatan/ agensi tersebut mempunyai perancangan untuk menjadikan sebagai kuarters atau rumah kelab sukan dan kebajikan jabatan/agensi. sekiranya bangunan dan premis tersebut dipenuhi semak samun dan menyebabkan kacau ganggu, pihak majlis akan mengeluarkan notis kpd pemilik premis dan bangunan.
- b) Bajet bagi pembaikan dan penyelenggaraan bangunan dan premis kerajaan adalah di bawah bajet jabatan/agensi pemilik bangunan dan premis tersebut yang disalurkan berdasarkan perancangan pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : GUGUSAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan ada menyediakan geran atau apa-apa bantuan khusus untuk petani yang ingin mengusahakan pertanian moden?
- b) Adakah Kerajaan sudah mengenalpasti lokasi-lokasi strategik dan sesuai untuk penanaman Tanaman Berpenghasilan Tinggi (High Value Crop) di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat memberikan perhatian yang tinggi di dalam menggalakkan golongan petani untuk menceburkan diri di dalam sektor pertanian dan seterusnya menjadikan ianya sebagai sumber ekonomi tetap khususnya di dalam projek-projek pertanian yang berpenghasilan dan bernilai tinggi sebagai contoh tanaman berkonsepkan hidroponik, akuaponik termasuk juga tanaman Nanas MD2 yang pada ketika ini mempunyai permintaan yang tinggi dan juga nilai yang tinggi.

Bagi tujuan tersebut, sejak tahun 2019, peruntukan berjumlah hampir RM2,000,000.00 telah diperuntukkan di bawah Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani (IAT) untuk dijadikan sebagai insentif kepada golongan petani tersebut dan ianya juga termasuk program latihan (program inkubator) sebagai persediaan sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

- b) Kerajaan Negeri telahpun mengenalpasti lokasi-lokasi untuk pelaksanaan projek-projek berpenghasilan dan bernilai tinggi ini sebagai contoh di Sg. Panjang, Sabak Bernam untuk projek tanaman nanas MD2 di atas tanah berkeluasan lebih kurang 57 ekar dan juga di Sg. Air Tawar, Sabak Bernam untuk projek bercampur tanaman seperti rosselle dan melon di kawasan seluas 120 ekar. Walau bagaimanapun, kedua-dua lokasi tersebut masih lagi di dalam proses kelulusan tanah untuk pewartaan sebagai kawasan pertanian. Bagi projek penanaman nanas MD2 di Sg. Panjang, ianya dijangka akan dimulakan pada suku 3 tahun 2020.

Dalam pada itu juga, projek-projek tanaman untuk pertanian berpenghasilan dan bernilai tinggi juga telah dimulakan di *Selangor Fruit Valley (SFV)* dan kawasan

Taman Kekal Pertanian Makanan (TKPM) di seluruh Negeri Selangor seperti tanaman nangka, nangchem, cendawan, sayuran daun dan buah, kelapa dan pelbagai lagi.

Kerajaan Negeri juga akan meneruskan usaha untuk mengenalpasti lokasi-lokasi untuk projek tanaman berpenghasilan dan bernilai tinggi berkonsepkan pertanian moden di seluruh Negeri Selangor bagi memastikan ramai pengusaha-pengusaha baharu khususnya golongan generasi muda boleh menjalankan aktiviti pertanian mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PEKERJA ASING DI PREMIS MAKAN

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengetatkan undang-undang atau melarang pekerja asing dalam sektor pembuatan atau penyediaan makanan di premis makanan?
- b) Berapakah jumlah pekerja asing yang berdaftar dalam sektor pembuatan dan penyediaan makanan di negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan sumber Jabatan Perangkaan Negeri Selangor, bancian penduduk dan perumahan akan dilaksanakan pada Bulan Julai 2020 termasuk pekerja warga asing yang menetap di Malaysia.
- b) Kawalan kemasukan warga asing merupakan bidang kuasa kerajaan pusat. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor sedia dan sentiasa memberi kerjasama terhadap perkara ini. Terdapat beberapa usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui PBT terhadap kawalan warga asing. Antaranya
 - i) Mempergiatkan operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen untuk memastikan pekerja asing berada dalam sektor perkerjaan yang betul seperti mana yang ditetapkan oleh Kerajaan;
 - ii) Kerajaan negeri juga meluluskan untuk tidak membenarkan warga negara asing menjalankan aktiviti perniagaan perniagaan kecil / sederhana atau dilesenkan di bawah aktiviti penjaja. semua lesen penjaja dan peniaga kecil termasuk lesen perniagaan di premis milik Jabatan/ Agensi/ PBT di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor hendaklah dipertimbangkan kepada warganegara Malaysia sahaja. PBT juga meletakkan sekatan pada syarat-syarat lesen penjaja iaitu tidak dibenarkan menggunakan pekerja warga asing tanpa izin. Tindakan tegas akan dikenakan terhadap perniagaan tanpa lesen yang dipelopori oleh warga asing khususnya dan juga premis penjaja yang menyewakan kepada warga asing dan melantik pembantu warga asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : GARIS PANDUAN PENGUBAHSUAIAN RUMAH TERES KEPADA
ASRAMA PELAJAR/AIRBNB**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status pengubalan Garis Panduan Pengubahsuaian Rumah Teres kepada Asrama Pelajar / AirBnB.
- b) Sila nyatakan tarikh pelaksanaan Garis Panduan tersebut.
- c) Sila nyatakan intipati Garis Panduan tersebut.

JAWAPAN:

Soalan (a) & (b) dijawab bersekali.

- a) Pihak MBSA telah pun mengadakan beberapa siri mesyuarat penyelarasan teknikal yang telah diadakan bersama agensi berkaitan iaitu UPEN, Jabatan Tenaga Kerja, PLANMalaysia, MBPJ, MPSJ serta MPK pada 11 Oktober 2019 dan 15 Januari 2020. Perincian draf garis panduan ini akan dibincangkan semula dengan agensi yang berkaitan sebelum diangkat untuk mendapatkan kelulusan Kerajaan Negeri untuk diterima pakai dan dikuatkuasakan.
- c) Intipati hasil perbincangan mengesyorkan bahawa asrama hanya dibenarkan di kawasan perniagaan atau di kawasan plot kediaman yang kosong dan belum dibangunkan untuk tempoh sementara sehingga pembangunan yang sebenar dimajukan. Bagi kawasan kediaman yang telah diduduki adalah tidak dibenarkan bagi mengekalkan fungsi sebagai kediaman keluarga dan mengelakkan kacau ganggu kepada komuniti setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : BAZAR DARUL EHSAN KANCHONG DARAT

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berkaitan isu bazar Darul Ehsan di Kanchong Darat apakah tindakan susulan dari pihak EXCO Pembangunan Usahawan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bangunan Bazar Darul Ehsan ini telah disiapkan pada Februari 2013. Bangunan ini pada asalnya bertujuan untuk dijadikan pusat pengumpulan bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) daerah Kuala Langat. Beberapa cadangan alternatif telah dikemukakan bagi tujuan kegunaan baharu bangunan tersebut antaranya pusat pelancongan, pusat PWB Dun Morib, dan pusat latihan HIJRAH SELANGOR. Namun begitu cadangan tersebut tidak dapat dimuktamadkan. Sehubungan itu, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah mengadakan perbincangan bersama SELDEC pada 23 Jun 2020 bagi cadangan menjadikan BDE sebagai hab pengumpulan barangan tempatan dan barangan dalam talian. Selain itu, ia juga boleh dijadikan hab pengedaran barangan secara pukal. Perbincangan lanjut akan diadakan dalam masa terdekat bagi memperincikan pelaksanaan program untuk mencapai kata sepakat dan faedah bersama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KELESTARIAN KESELAMATAN BEKALAN MAKANAN

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kelestarian dan kesinambungan keselamatan bekalan makanan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah keluasan tanah untuk tujuan keselamatan bekalan makanan? (tanah perladangan dan komoditi, pertanian, perikanan dan lain-lain)

JAWAPAN:

- a) Keselamatan bekalan makanan (*food security*) adalah amat penting bagi memastikan bekalan makanan berada pada paras yang terbaik di Negeri Selangor yang pada ketika ini masih berada pada paras yang rendah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menggariskan strategi-strategi bagi tujuan tersebut iaitu :-
 - 1. Mengenalpasti kawasan-kawasan tanah kerajaan untuk diwartakan sebagai kawasan pertanian dan seterusnya mewujudkan lokasi pertanian baharu;
 - 2. Memantapkan lagi hasil pengeluaran pengusaha di Taman Kekal Pertanian Makanan (TKPM) melalui insentif-insentif dan penambaan infrastruktur;
 - 3. Mengadakan kerjasama dengan anak-anak syarikat kerajaan negeri yang mempunyai tanah untuk pembangunan tetapi masih lama lagi tempoh untuk dimajukan bagi dijadikan kawasan pertanian jangka pendek;
 - 4. Mengadakan program latihan praktikal sebagai kepada usahawan baharu yang berminat untuk menceburkan diri khususnya pertanian berkonsepkan moden dan berteknologi tinggi serta bernilai tinggi;
 - 5. Menyediakan insentif-insentif kepada kepada pengusaha sektor pertanian;
 - 6. Menyediakan modal awal melalui skim pinjaman kepada pengusaha dan bakal pengusaha melalui program di bawah Hijrah Selangor dan juga Agro Bank (masih diperingkat perbincangan); dan
 - 7. Membantu pengusaha di dalam memasarkan hasil pengeluaran mereka melalui program-program *Selangor Agro Market (SAM)*, program ekspo jualan di dalam dan luar negara serta jualan secara atas talian melalui *Selangor Digital E-Supply Chain (SELDEC)*.

- b) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tiada maklumat tepat berkenaan dengan jumlah sebenar keluasan tanah bagi tujuan sektor pertanian. Walau bagaimanapun, berdasarkan anggaran sehingga tahun 2018, jumlah keluasan tanah untuk sektor pertanian makanan adalah lebih kurang 98,758 hektar manakala bagi sektor perladangan komoditi pula berkeluasan lebih kurang 198,759 hektar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : SASARAN SMART SELANGOR DELIVERY UNIT

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pelaksanaan yang disasarkan oleh SSDU untuk tahun 2020?

JAWAPAN:

a) Pada tahun 2020, SSDU akan terus melaksana inisiatif-inisiatif Smart Selangor yang mampu meningkatkan dayahuni rakyat, memacu ekonomi negeri menerusi pemerkasaaan ekosistem digital, dan pemantauan serta penyelarasan tindakan secara berpusat oleh Kerajaan Negeri berdasarkan data masa nyata.

Berikut adalah inisiatif-inisiatif yang bakal dilaksanakan pada tahun ini:

1. Pembangunan Selangor Intelligent Operations Centre (SIOC) yang dijangka akan siap dibina pada suku keempat tahun ini bertempat di Dewan Jubli Perak, Pejabat SUK Selangor, Shah Alam, Selangor.
2. Pemasangan minima 100 unit CCTV digital beserta analitik di kawasan yang dikenalpasti sebagai 'hotspot' dan 'blackspot' oleh PDRM.
3. Pembangunan Ekosistem untuk pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
4. Pelaksanaan sistem Tap-to-Ride untuk caj pembayaran perkhidmatan Bas Smart Selangor
5. Pemetaan topografi pintar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PELAN JANGKA MASA PANJANG DAN PENDEK AKIBAT PERINTAH
KAWAL PERGERAKAN (PKP)**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan perancangan jangka masa pendek dan panjang untuk membantu rakyat di Negeri Selangor yang terjejas mata pencariannya akibat daripada perintah kawalan pergerakan seperti dibuang kerja?

JAWAPAN:

- a) Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang (no.56) , Yang Berhormat Sungai Burong (no.225), Yang Berhormat Rawang (no. 273), Yang Berhormat Bukit Lanjan (no. 246) dan Yang Berhormat Sungai Panjang (no. 219) berhubung langkah-langkah dan rancangan Kerajaan Negeri untuk pemulihan ekonomi Negeri Selangor.

Penularan COVID-19 ini ternyata telah menjadi krisis kesihatan global yang melanda seluruh dunia. Bagi menangani penularan wabak ini daripada berterusan, kerajaan dan kakitangan barisan hadapan berganding bahu dalam membentuk strategi yang efektif dan berkesan. Sementara itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan menghadkan perjalanan orang ramai dengan mengenakan penutupan penuh dan perbatasan antarabangsa merupakan salah satu langkah terbaik bagi membendung jangkitan ini. Alhamdulillah pelaksanaannya telah terbukti berkesan dan menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Sesungguhnya kita sebenarnya tidak punya pilihan, kita wajib memastikan usaha membendung atau ikhtiar melandaikan keluk penularan COVID-19 berjaya.

Namun begitu, PKP yang dilaksanakan bagi membendung penularan wabak ini telah memberi implikasi kepada kesihatan ekonomi di dalam negara Malaysia dan negeri Selangor. Aktiviti pengeluaran terganggu kerana kegagalan mendapatkan input barangan perantaraan dari China, malah gangguan yang lebih serius adalah kerana penutupan atau pengurangan operasi berpunca dari PKP. Dalam pada itu, kegagalan untuk memperoleh input perantaraan dari EU dan Amerika Syarikat turut berlaku apabila mereka turut melaksanakan *lockdown*. PKP juga mengakibatkan sesetengah golongan pekerja kehilangan pendapatan. Antara lain,

aktiviti perdagangan kecil-kecilan terbantut, pekerja kontrak kehilangan pendapatan dan pelbagai lagi kekangan terhadap aktiviti ekonomi yang memberi kesan kepada pendapatan individu. Penurunan pendapatan individu diterjemah secara langsung kepada penurunan penggunaan swasta di dalam ekonomi domestik yang merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi terpenting sejak kebelakangan ini.

Menyedari kepayahan yang dialami oleh pelbagai pihak dan bagi mengurangkan beban kehidupan dan kesulitan ekonomi, Kerajaan Negeri telah menyediakan pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej Selangor Prihatin. Pakej Selangor Prihatin Fasa Pertama telah dibentangkan pada 20 Mac 2020 manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua dibentangkan pada 1 April 2020 bertujuan untuk memangkin ikhtiar membendung penularan COVID-19 dan menyerap impak sosio-ekonomi penularan wabak tersebut.

Sejumlah RM127.8 juta diperuntukkan bagi Selangor Prihatin Fasa Pertama membabitkan tujuh inisiatif manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua pula melibatkan peruntukan sebanyak RM272.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM400 juta. Walau bagaimanapun, perhatian utama pihak Kerajaan Negeri dari segi pelan pemulihan ekonomi pasca COVID-19 adalah untuk memastikan ekonomi berfungsi menghadapi kejutan permintaan dan penawaran. Realitinya, pakej rangsangan yang diwujudkan oleh kerajaan pusat serta disokong oleh pakej Selangor Prihatin ini hanya memadai untuk menangani kesan jangka pendek sesuai dengan objektif pakej rangsangan iaitu untuk mencipta permintaan sambil memastikan penawaran yang mencukupi.

Oleh itu, bagi memastikan kesediaan untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan melantik perunding Econsult Consultancy and Training bagi melihat keseriusan impak kepada sektor ekonomi di negeri Selangor dan merangka langkah-langkah bagi mengatasi serta memacu semula pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 2 Jun 2020 yang lalu menggariskan beberapa strategi jangka panjang yang perlu diterapkan di dalam pelan tindakan pembangunan ekonomi Negeri Selangor berdasarkan empat (4) teras asas iaitu:

Teras Pertama	:	Membangunkan industri teras untuk pertumbuhan;
Teras Kedua	:	Peningkatan produktiviti;
Teras Ketiga	:	Menyediakan peluang pekerjaan; dan

Teras Keempat : Membangunkan rantaian industri dengan memperkasa PKS

Berdasarkan kepada keempat-empat teras ini, penyusunan semula strategi untuk pemulihan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan untuk Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Pertama : Mentransformasikan “Sectoral Island” kepada sebuah ekonomi yang kompleks

Sepertimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memutuskan pendekatan melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor untuk menjana pertumbuhan ekonomi seperti yang dibentangkan di dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019. Sembilan (9) kluster ini dilihat mampu menjadi ‘*game changer*’ untuk pembangunan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak mampu memaksimumkan penggunaan sumber ekonomi serta tidak berupaya meraih manfaat jika tiada interaksi antara sektor. Interaksi ini mampu menerbitkan aktiviti ekonomi baharu yang tidak difikirkan sebelumnya dan dasar kerajaan yang mampu menggalakkan interaksi ini dijangka akan menyediakan asas yang kukuh untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Penciptaan dasar strategik yang berjaya dan boleh dilaksanakan akan melihat kesemua aktiviti ekonomi sebagai suatu spektrum aktiviti yang kompleks dan saling berkaitan. Sebuah ekonomi yang kompleks mempunyai lebih ruang untuk pembangunan, berbanding sebuah ekonomi yang dipenuhi oleh pulau-pulau sektor.

Kedua : Membangunkan industri sebagai sumber pertumbuhan

Pemilihan industri asas penjana ekonomi di dalam setiap kluster perlu meliputi keseluruhan spektrum rantaian nilai supaya kompleksiti ekonomi dapat ditingkatkan dan nilai tambah terhadap ekonomi dapat dimaksimumkan. Ianya bertepatan dengan teras pertama yakni membangunkan industri untuk sumber pertumbuhan. Dari sudut kerajaan, penggubalan dasar sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Ketiga : Mewujudkan Nukleus Pemangkin (Nucleus Catalyst)

Pemilihan satu kluster khusus untuk mewujudkan nukleus pemangkin yang akan melimpahkan aktiviti (spill-over) kepada kluster yang lain melalui rantaian bekalan bersepadu adalah amat penting. Dengan mengenalpasti sebuah kluster

pemangkin, ianya berpotensi untuk mencetuskan aktiviti ekonomi yang baru dan seterusnya menghasilkan pekerjaan dan mendorong kepada peningkatan produktiviti.

Keempat : Penubuhan sebuah entiti sebagai fasilitator

Salah satu cabaran di dalam merealisasikan strategi yang dirancang dengan baik adalah dari segi pelaksanaannya. Untuk memastikan pelaksanaan yang efektif dan sumber digunakan secara optimum, sebuah entiti perlu dibentuk agar memudahkan pelaksanaan strategi. Fungsi utama entiti adalah untuk mengenalpasti secara berterusan industri dan aktiviti yang akan ditumpukan. Ini bermakna elemen kedinamikan industri dan pasaran perlu diterapkan di dalam strategi pembangunan. Segala perubahan yang berlaku ke atas industri dan pasaran perlu diberi perhatian. Entiti tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti kedinamikan tersebut melalui penyelidikan dan pembangunan serta latihan. Entiti ini perlu bertindak sebagai sebuah pusat pengumpulan dan penganalisis maklumat yang relevan untuk tugas utamanya, pengenalpastian berterusan industri berpotensi, menghubungkan industri dalam dan luar kluster khususnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta mendorong kepada peningkatan produktiviti. Entiti ini juga akan menyediakan platform untuk melatih kakitangan kerajaan negeri yang berkaitan dalam memahami dan melaksanakan aktiviti ekonomi yang telah dikenalpasti. Akhirnya, entiti ini juga perlu menjadi platform untuk latihan kepada bakal usahawan supaya mereka dilengkapi dengan pemikiran yang relevan, maklumat, kemahiran, dan pengetahuan tentang menjalankan aktiviti berkenaan.

Ringkasnya, keempat-empat pelan tindakan ini melibatkan pentransformasian masalah kepada peluang. Penyelesaian masalah yang dicetuskan oleh pandemik COVID-19 berpaksikan jangka pendek dan berupa penyelesaian sementara yang tidak mampan serta menunjukkan terdapat kelemahan struktur ekonomi yang perlu diperbaiki untuk kemampanan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Dengan itu, Kerajaan Negeri optimis pelan tindakan yang telah digariskan ini akan dapat membantu pemulihan ekonomi di negeri Selangor seterusnya memacu pertumbuhan yang lebih mampan di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PENUNGGANG MOTOSIKAL E HAILING

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan dan perancangan Kerajaan Negeri dalam menerima peningkatan penunggang motosikal E Hailing yang dijangka meningkat dengan pengenalan syarikat Gojek?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan projek perintis atau *Proof Of Concept* (POC) bagi perkhidmatan *bike-hailing* oleh Kerajaan Persekutuan yang bermula pada Januari 2020 untuk tempoh enam (6) bulan belum dimuktamadkan. Projek perintis tersebut dijalankan sebagai syarat yang ditetapkan Kementerian Pengangkutan bagi tujuan untuk mengawal selia perkhidmatan tersebut, dan kelancaran projek ini turut terkesan apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 akibat penularan wabak Covid-19.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa perkara ini perlu dibuat penelitian bukan sahaja kerana ianya melibatkan pelbagai aspek sama ada dari segi perundangan, keselamatan, peraturan jalan raya dan penguatkuasaan serta sensitiviti dari sudut Perundangan Syariah di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : KEBAJIKAN IBU TUNGGAL

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak serius mengambil poligami sebagai satu kaedah untuk menyelesaikan permasalahan ibu tunggal agar mereka mendapat pembelaan dan kebajikan mereka dipelihara dalam negeri ini?

JAWAPAN:

- a) Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam menyantuni isu-isu berkaitan golongan wanita terutama kebajikan golongan ibu tunggal. Malah inisiatif-inisiatif dan program-program-program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat tanpa meminggirkan golongan ibu tunggal.

Program Kasih Ibu *Smart* Selangor Ibu Tunggal (KISS-IT) yang memberi tambah nilai kepada Program KISS sedia ada sebagai contoh, menzahirkan keprihatinan Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dalam menyantuni golongan ibu tunggal terutamanya yang terkesan di dalam mendepani pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu.

Melalui program KISS-IT ini, seramai 5,000 orang ibu tunggal yang memenuhi syarat dapat dibantu dengan nilai pemberian manfaat sebanyak RM200 setiap bulan untuk pembelian barangan keperluan asas sebagaimana manfaat yang diterima oleh para peserta program KISS sedia ada.

Adapun, urusan jodoh dan pasangan hidup golongan ibu tunggal ini adalah di luar bidang tanggungjawab portfolio ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : HARGA RUMAH MAMPU MILIK

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah pertama?
- b) Harga rumah tidak sama dengan nilai pendapatan pemohon dan mengakibatkan permohonan ditolak oleh bank. Apakah langkah bantuan Kerajaan Negeri membantu mudah cara lulus permohonan rumah pertama?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah pertama melalui **pembelian unit rumah** melibatkan **Skim Rumah Selangorku, Skim Dana Sel, Skim Sewa Beli (Rent To Own) dan Skim Pembiayaan 'Smart Selangor First Home Buyers'** adalah seperti berikut:

(i) Skim Rumah Selangorku

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melaksanakan penawaran Rumah Selangorku kepada orang awam kepada golongan berpendapatan atau kategori B40 terutamanya projek Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B berharga RM42,000.00 seunit dan RM 100,000.00 seunit.

(ii) Skim Dana Sel

Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan **Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (Dana-Sel)** yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu Perumahan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan. Skim ini akan dipertimbangkan

untuk diperluaskan lagi pada masa akan datang agar ianya dapat membantu lebih ramai golongan B40 untuk memiliki kediaman.

(iii) Skim Sewa Beli (Rent To Own)

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang mengadakan cadangan berkerjasama beberapa pihak bank bagi mewujudkan satu skim sewa beli atau dikenali juga sebagai '*Rent To Own*' khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Skim ini dapat membantu golongan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah dibawah RM 10,000-00 sebulan untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku.

Sehubungan dengan itu, perkara ini dalam proses rundingan dan perbincangan lanjut oleh Kerajaan Negeri bersama dengan pihak bank berkaitan sebelum kertas pertimbangan diangkat dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

(iv) Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*'

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*' yang bertujuan memberikan pembiayaan wang pendahuluan (deposit) kepada golongan B40 dan M40 sebanyak 10% ke atas pembelian Rumah Selangorku khususnya pembangunan yang dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan projek anak syarikat PKNS sahaja. Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan peruntukan sejumlah RM 15 juta untuk skim ini yang akan diuruskan oleh PKNS.

Skim ini telah dilaksanakan oleh PKNS dengan kerjasama pihak Maybank Berhad bagi membantu pembeli tersebut untuk mendapatkan pembiayaan dengan mudah dan fleksibel.

- b) Kerajaan Negeri turut mengambil maklum akan kesukaran pemohon mendapatkan pembiayaan / pinjaman perumahan daripada institusi kewangan / bank yang menyebabkan permohonan mereka ditolak. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program sewaan rumah kepada pemohon yang tidak layak mendapat pinjaman bagi tujuan mewujudkan pengurusan kewangan pemohon yang lebih baik dan stabil. Susulan itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan

kaedah **Skim sewaan rumah** yang terdiri daripada **Skim Smart Sewa dan Projek Perumahan Rakyat (PPR)** adalah seperti berikut ;

(i) Skim Smart Sewa

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan matlamat utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka ini akan diberi tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama 2 tahun dan maksima selama 5 tahun.

Penyewa akan mendapat **pulangan semula 30 peratus daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar** apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dalam tempoh 2 tahun hingga 5 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan bersih kepada pemohon maka wang tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan **memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada** sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

Pembelian sebanyak 799 unit rumah mampu milik telah dilaksanakan di bawah Skim Smart Sewa oleh LPHS di mana **Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB)** dilantik sebagai **agen pengurusan** bagi melancarkan pelaksanaan skim ini. Sehingga kini, 562 unit rumah telah disewakan dengan kadar sewaan bermula daripada RM450.00 sebulan sehingga RM900.00 sebulan. Manakala sebanyak 117 unit telah siap dan telah dibuat / sedang dalam proses penyerahan unit kepada LPHS manakala baki sebanyak 120 unit masih lagi dalam pembinaan di tapak.

(ii) Skim Projek Perumahan Rakyat (PPR)

Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Skim Perumahan untuk disewakan sahaja kepada mereka yang berpendapatan seisi keluarga kurang dari RM3,000.00 sebulan. Kadar sewaan yang dikenakan kepada penyewa pada harga sewaan RM 124.00 sehingga RM 250.00 sebulan berbanding kadar sewaan pasaran semasa sekitar RM 400.00 sehingga RM 650.00 sebulan. Secara langsung, ianya membantu golongan ini untuk mendapat manfaat daripada kadar sewaan yang rendah dan lebihan pendapatan mereka boleh

digunakan sebagai simpanan sehingga mereka berkemampuan untuk tujuan pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang.

Berikut adalah **Projek Perumahan Rakyat (PPR)** yang ditawarkan kepada orang awam seperti berikut :

BIL	LOKASI	BIL. UNIT	BIL PENGHUNI	BAKI UNIT KOSONG	PENGENDALI	PENGURUSAN
1.	PPR Hicom	980	980	0	LPHS	PHSSB
2.	PPR Serendah	300	125	175	LPHS	PHSSB
3.	PPR Kota Damansara	1,152	1152	0	MBPJ	PHSSB
JUMLAH		2,432	2,257	175		

Disamping program sewaan, Kerajaan Negeri melalui LPHS juga bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam mewar-warkan modul pendidikan berkaitan perumahan di atas talian AKPK iaitu *RUMAHKU* untuk keperluan orang awam. Secara langsung, ianya membantu bakal pembeli rumah pertama untuk mendapatkan panduan dan maklumat yang berguna tentang pemilikan rumah sebelum pembelian dibuat.

AKPK juga membantu mereka yang menghadapi masalah kegagalan mendapatkan pinjaman perumahan dengan melayari laman sesawang AKPK dibawah MyKNP bagi mengenalpasti punca dan masalah kegagalan pemohon mendapatkan pinjaman perumahan. Daripada itu, AKPK akan memberikan bantuan secara percuma dari segi penstrukturan semula pembiayaan / pinjaman pemohon sedia ada ke arah pengurusan kewangan yang lebih bijak dan stabil. Akhirnya, ianya dapat membantu pemohon untuk mendapatkan pembiayaan perumahan pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI
(N43 SEMENTA)**

TAJUK : RODA DARUL EHSAN (RIDE)

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang ditangguhkan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan bilakah tarikh pelaksanaannya?

- b) Apakah punca sebenar pelaksanaannya ditangguhkan?

JAWAPAN:

- a) Seperti ramai yang maklum, program RIDE ini ditangguhkan kerana kesan daripada pelaksanaan PKP baru baru ini. Namun begitu, Tarikh kerangka pelaksanaannya adalah seperti berikut.
 - 21 Julai 2020 (Pelancaran Program RIDE)
 - 7 Ogos – 31 Ogos 2020 (proses permohonan)
 - 1 September – 7 September 2020 (proses semakan JPJ)
 - 8 September – 31 Disember 2020 (perlaksanaan program RIDE)

- b) Perlaksanaannya ditangguhkan kerana negara dilanda pandemik wabak Covid-19 dan negara kita melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membantutkan pergerakan untuk petugas pelaksana menjalankan tugas tugas untuk menjalankan program ini.